



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### *Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 15 NOVEMBER 2023**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Kastam gagalkan cubaan seludup lebih 3,700 liter diesel

**ALOR SETAR** - Empat buah treler dengan nombor pendaftaran negara jiran ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Kedah di Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu kerana disyaki menyeludup minyak diesel pada 7 November lalu.

Pengarah JKDM Negeri Kedah, Nor Izah Abd Latiff berkata, semua kenderaan itu ditahan dalam Ops Gegar di antara jam 8 malam hingga 8.30 malam.

Menurutnya, empat buah treler itu da-

lam perjalanan menuju ke negara jiran dan pemeriksaan mendapati tangki keempat-empat kenderaan itu telah diubah suai dan terdapat ruangan khas yang dipercayai diisi dengan minyak diesel.

"Pemeriksaan rapi pasukan telah menemui minyak diesel di dalam tangki dan ruangan khas iaitu 800 liter diesel dalam treler pertama, 1,100 liter diesel dalam treler kedua, 890 liter diesel dalam treler ketiga dan 940 liter dalam treler keempat.

"Jumlah rampasan minyak diesel dianggarkan sebanyak 3,730 liter dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM8,019.50 manakala nilai kenderaan yang dirampas dianggarkan bernilai RM1,050,000," katanya pada sidang akbar di Kompleks Kastam Alor Setar pada Selasa.

Nor Izah berkata, empat pemandu yang ditahan juga merupakan warganegara asing berusia 20-an hingga 50-an.

# Minyak peket kurang di pasaran

**KUALA TERENGGANU:** Bekalan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram (kg) di daerah ini berkurangan di pasaran sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna dan peniaga.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar di bandar raya ini mendapati berlaku gangguan bekalan sehingga terdapat kedai runcit yang menjualnya pada harga RM2.80 sepeket iaitu lebih daripada harga kawalan RM2.50.

Malah minyak masak peket itu juga tidak dijual di rak biasa sebaliknya disimpan di dalam stor premis terbabit dan hanya diambil jika terdapat pelanggan yang datang membuat pembelian.

Seorang peniaga yang mahu dikenali sebagai Adam mendakwa, masalah gangguan bekalan minyak peket sudah berlarutan sejak beberapa bulan lalu tanpa alasan kukuh daripada pemborong.

Menurutnya, dalam tempoh itu dia hanya menerima paling banyak tiga kotak berisi

17 peket atau 17kg minyak masak setiap kotak dan terpaksa menghadkan sepeket bagi setiap pembelian.

"Stok diterima itu diterima daripada pemborong setiap awal bulan dan kalau tidak hadkan pembelian, bekalan itu tidak akan bertahan lama. Walaupun dijual mahal 30 sen, orang tetap membelinya."

"Saya bersympati dengan keluhan pengguna tetapi jika bekalan stabil ia tidak jadi masalah. Kami pun bukan suka-suka beri alasan bekalan minyak peket terputus kerana perlu akur dengan had lesen jualan," katanya.

Penyelia sebuah pasar raya, Nik Arif Afifi Nik Kadir pula mendakwa, pihaknya hanya menerima 20 kotak mengandungi 340 kg minyak peket berbanding hampir 50 kotak sebelum ini.

Pengurangan lebih 50 peratus itu ujarnya, berlarutan sejak awal September lalu dan pembelian kini terhad kepada dua peket bagi setiap seorang pada harga kawalan RM2.50 sekilogram.



**RUANGAN** minyak masak peket yang kosong di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF



TIADA bekalan gula pasir di sebuah pasar raya di Kota Kinabalu, Sabah.

# Sukar peroleh gula, harga naik RM4.80

Oleh SURAIDAH ROSLAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA KINABALU:** Kesukaran memperoleh bekalan gula sejak beberapa minggu kebelakangan ini menyebabkan pengguna terpaksa membayar sehingga RM4.80 bagi mendapatkan se-kilogram gula.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa pasar raya sekitar Pekan Papar dan bandar raya ini mendapati tiada bekalan gula yang dijual di pasaran.

Berdasarkan tinjauan dilakukan, kakitangan pasar raya memaklumkan mereka tidak menerima bekalan gula sejak dua minggu lalu dan sukar untuk memastikan bila bekalan gula akan dihantar ke pasar raya berkenaan.

Seorang pengguna, Yanti Ramli, 40, berkata, memang sukar mendapatkan bekalan gula

di sekitar Pekan Papar sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

“Di pasar raya utama memang tiada langsung bekalan gula. Jika ada bekalan sekali pun, harganya pasti mahal terutama di kedai-kedai runcit di kawasan kampung sekitar Papar.

“Baru-baru ini, ada kedai runcit yang menjual gula pada harga RM4.80 sekilogram. Harganya naik hampir dua kali ganda daripada harga gula yang dikawal oleh kerajaan iaitu RM2.85 sekilogram,” katanya.

Menurutnya, sebagai peniaga kecil-kecilan, ketiadaan bekalan gula menjelaskan pendapatannya sebagai peniaga aiskrim.

Beliau berkata, apabila tiada bekalan gula di pasaran atau selagi harga gula masih tinggi maka, peniaga kecil-kecilan seperti dia tidak dapat meneruskan perniagaan.

Pada Ahad, Pemangku Men-

teri Perdagangan Dalam Negeri + dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Arminian Mohd. Ali berkata, gangguan bekalan gula yang berlaku di Sabah dan beberapa kawasan lain di negara ini susulan daripada harga gula mental di pasaran antarabangsa yang tinggi.

Katanya, kenaikan harga gula mentah sehingga 52 peratus di peringkat antarabangsa menyebabkan peningkatan kos pengeluaran kepada pengilang tempatan.

Dalam menangani isu kekurangan bekalan gula, kerajaan telah meluluskan permit import (AP) kepada 43 syarikat bagi membawa masuk 557,080 tan metrik gula bagi menstabilkan bekalan gula di pasaran.

Walau bagaimanapun, sehingga Khamis lalu, hanya 22,547 tan metrik atau 4.05 peratus bekalan gula yang telah dibawa masuk.

3,730 LITRES WORTH RM8,000

# SUBSIDISED DIESEL SMUGGLING BID FOILED

Fuel from warehouse in Bukit Kayu Hitam found hidden in Thai-bound trailers

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR  
**ALOR STAR**  
 news@nst.com.my

**K**EDAH Customs Department foiled an attempt to smuggle more than 3,000 litres of subsidised diesel at the Bukit Kayu Hitam duty-free zone last Tuesday.

Director Nor Izah Abd Latiff said about 3,730 litres of diesel worth RM8,019.50 were concealed in special compartments attached to four trailers bound for Thailand.

Four men, all Thai nationals aged between 20 and 50, were arrested for attempting to smuggle the subsidised goods.

Three unloaded trailers and one container trailer valued at RM1.05 million were also seized during the raid.

"During the 8pm raid, the operation team intercepted four vehicles at the entrance of a duty-free shop.

"All four trailers were Thailand registered vehicles and were heading towards Thailand.

"The raiding team found modified fuel tanks with special compartments believed to contain subsidised diesel," she said at a press conference at the Kedah Customs Complex at Alor Star here yesterday.

Izah said based on undercover investigations, the diesel was sourced from a warehouse at the Bukit Kayu Hitam Industrial Area.

"The diesel would be siphoned into the special compartments and smuggled out to Thailand through the Bukit Kayu Hitam Immigration, Customs, Quarantine, and Security complex.

"The estimated quantities of diesel for the first, second, third, and fourth trailers are 800 litres, 1,100 litres; 890 litres, and 940 litres, respectively."

Izah assured the public that the Customs Department would monitor the country's borders to



*Kedah Customs Department director Nor Izah Abd Latiff showing one of the seized trailers bound for Thailand, which had diesel concealed in special compartments, in Alor Star yesterday. PIC BY SYAHARIM ABIDIN*

prevent subsidised goods smuggling activities.

"Diesel is a controlled item. Its export is subject to an export license issued by the Domestic

Trade and Cost of Living Ministry.

"Individuals involved or conspiring in smuggling subsidised goods are betraying the country."

She also urged the public to co-operate with the Customs Department by providing information related to any smuggling activities.



Kedah Customs deputy director Abd Rahman Abd Aziz showing the modified tank on one of the trailers.  
- BERNAMAPIC

## Diesel smuggling bid foiled

**ALOR SETAR:** The Customs Department thwarted an attempt to smuggle out 3,730 litres of subsidised diesel worth over RM8,000 in Ops Gegar on Nov 7 at the northern border.

Kedah Customs Director Nor Izah Abd Latiff said a team from the Alor Setar enforcement branch stopped four trailers near a duty-free shop in the Bukit Kayu Hitam area at 8pm.

"The trailers, driven by four Thai men aged 20 to 50, were on their way to a neighbouring country. Upon inspection, we found that the fuel tanks of all the trailers had been modified with special compartments designed to store diesel," she said yesterday.

Nor Izah added that the diesel was believed to have been obtained from different warehouses within the Bukit Kayu Hitam Industrial Area before being smuggled across the border.

"We are investigating the case under Section 135(1)(e) of the Customs Act 1967," she added. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 NOVEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Nov	Kastam gagalkan cubaan seludup lebih 3,700 liter diesel	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2244262">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2244262</a>	BERNAMA
15-Nov	Op Tiris: 38,200 liter minyak diesel dirampas di jeti persendirian	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/op-tiris-38200-liter-minyak-diesel-dirampas-di-jeti-persendirian/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/op-tiris-38200-liter-minyak-diesel-dirampas-di-jeti-persendirian/</a>	UM
15-Nov	Boikot: Hak pengguna - Fuziah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/634527/berita/nasional/boikot-hak-pengguna---fuziah">https://www.sinarharian.com.my/article/634527/berita/nasional/boikot-hak-pengguna---fuziah</a>	SH
15-Nov	Deputy minister: Consumers' right to boycott products, brands	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/689986">https://theedgemalaysia.com/node/689986</a>	THEEDGE MALAYSIA
15-Nov	Boikot: Hak pengguna - Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/boikot-hak-pengguna-fuziah-446004%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/boikot-hak-pengguna-fuziah-446004%3famp=1</a>	ASTRO AWANI
15-Nov	Boikot: Hak pengguna - Fuziah	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2244479">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2244479</a>	BERNAMA
15-Nov	'Government respects consumer rights to boycott'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/212712">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/212712</a>	SINARDAILY

15-Nov	Boycott on products associated with Israel: Consumers have rights, says deputy minister	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/14/boycott-on-products-associated-with-israel-consumers-have-rights-says-deputy-minister/102038">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/14/boycott-on-products-associated-with-israel-consumers-have-rights-says-deputy-minister/102038</a>	MALAYMAIL
15-Nov	Boycott on products associated with Israel: Consumers have rights, says deputy minister	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2244490">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2244490</a>	BERNAMA
15-Nov	Boikot: Hak pengguna - Fuziah	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1030257/boikot-hak-pengguna-fuziah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1030257/boikot-hak-pengguna-fuziah</a>	HM
15-Nov	Consumers have right to boycott, says Fuziah	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/471763">https://www.themalaysianinsight.com/s/471763</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
15-Nov	KPDN teliti cadangan naikkan harga minyak masak peket bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1176942/kpdn-teliti-cadangan-naikkan-harga-minyak-masak-peket-bersubsidi">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1176942/kpdn-teliti-cadangan-naikkan-harga-minyak-masak-peket-bersubsidi</a>	BH
15-Nov	KPDN teliti cadangan naik harga minyak masak peket subsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1030247/kpdn-teliti-cadangan-naik-harga-minyak-masak-peket-subsidi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1030247/kpdn-teliti-cadangan-naik-harga-minyak-masak-peket-subsidi</a>	HM
15-Nov	KPDN kaji cadangan naik harga minyak masak bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/11/15/kpdn-kaji-cadangan-naik-harga-minyak-masak-bersubsidi/">https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/11/15/kpdn-kaji-cadangan-naik-harga-minyak-masak-bersubsidi/</a>	FMT
15-Nov	Op Tiris: Minyak diesel bernilai lebih RM82,000 dirampas	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/op-tiris-minyak-diesel-bernilai-lebih-rm82-000-dirampas">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/op-tiris-minyak-diesel-bernilai-lebih-rm82-000-dirampas</a>	BERITARTM